

# PERSEPSI PELANCONG ASING TERHADAP ALAM SEKITAR DAN KUALITI PERKHIDMATAN DITAWARKAN DI TAMAN LAUT PULAU TIOMAN

Norlida Hanim Mohd Salleh,  
Redzuan Othman,  
Ahmad Mad Zin  
Tamat Sarmidi  
Kalsom Zakaria  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## **Abstrak**

*Kertas ini bertujuan menilai kepentingan dan tahap kepuasan pelancong terhadap atribut alam sekitar di Taman Laut Pulau Tioman oleh pelancong asing. Satu soal selidik yang melibatkan 85 orang pelancong asing telah dilakukan. Hasil kajian mendapati secara keseluruhan 80-93 peratus pelancong merasakan atribut di pulau ini memuaskan/sangat memuaskan mereka manakala sekitar 76-98 peratus pelancong menyatakan perkhidmatan alam sekitar yang ditawarkan baik/sangat baik. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan atribut dan kualiti perkhidmatan alam sekitar dapat memuaskan pelancong asing. Sungguhpun pelancong asing berpuas hati, tetapi nilai kepuasan mereka lebih rendah berbanding dengan nilai kepuasan yang mereka jangkakan sebelum lawatan ke Taman Laut Pulau Tioman dilakukan.*

*Kata kunci: atribut alam sekitar, perkhidmatan alam sekitar, persepsi pelancong, , Taman Laut Pulau Tioman.*

## **Pengenalan**

Malaysia yang beriklim khatulistiwa secara semula jadi memiliki alam sekitar yang mempunyai kepelbagaian flora dan

fauna yang menarik. Ketersediaan ini menjadikan Malaysia berkemampuan dengan mudah membangunkan industri pelancongan yang berasaskan alam semula jadi atau eko pelancongan. Sehingga kini Malaysia memiliki pelbagai produk eko pelancongan antaranya adalah pelancongan berasaskan pantai, tanah tinggi, gua, tasik, tanah basah, taman negara dan yang begitu berjaya menarik ketibaan pelancong adalah taman laut. Perincian produk eko pelancongan dan inventori di setiap negeri ditunjukkan dalam Lampiran 1.

Taman laut ini pada asalnya hanya merupakan satu kawasan larangan perikanan di bawah Akta Perikanan 1963. Namun, disebabkan kepupusan hidupan laut dan kemerosotan terumbu karang yang agak ketara, Pada 1985 Akta Perikanan 1963 telah dipinda oleh parlimen untuk turut memasukkan peruntukan berkaitan dengan Taman Laut dalam akta tersebut (Bahagian IX, Seksyen 41-45). Hasilnya, pada 1985 ini sejumlah 22 buah pulau telah dikenal pasti dan digazetkan sebagai Kawasan Larangan Perikanan dengan tanggungjawab mengurus sumber marin pada ketika itu diletakkan di bawah Jabatan Perikanan.

